

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2019 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Taklimat Praktikum Bantu Pelajar Persiap Diri Ke Alam Pekerjaan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

04 APRIL 2019 / 28 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: CUIC

TAKLIMAT PRAKTIKUM BANTU PELAJAR PERSIAP DIRI KE ALAM PEKERJAAN



UUM ONLINE: “Menepati masa, berpakaian kemas, sentiasa berdisiplin dan tidak terlibat dengan politik pejabat,” kata Pengerusi Bahagian Pengurusan Bakat, Shahrina Othman yang mewakili Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) ketika menyampaikan taklimat kepada pelajar yang bakal menjalani praktikum pada Taklimat Khas Praktikum anjuran CUIC di Dewan Mu'adzam Shah, baru-baru ini.

Katanya, banyak persoalan yang diterima daripada pelajar yang selama ini tidak tahu ada kemudahan penempatan praktikum di luar negara dan setakat ini seramai 91 orang pelajar sedang berpraktikum di luar negara.

Pada program itu, Talentcorp Corporation Malaysia Berhad (Talentcorp) yang diwakili Pegawai Graduate and Emerging Talent (GET), Siti Noratikah Kasmoi telah berkongsi kemudahan yang ditawarkan kepada pelajar termasuk program The Nurturing Expert Talent (NEXT) Young Employable Student 2019 (YES 2019) Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) dan MyAsean Internship serta pelbagai tips sebagai panduan para pelajar yang akan berpraktikum.

Terdahulu, wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM telah mengadakan sesi pembentangan (pitching) berkaitan projek-projek yang dirancang bagi mendapatkan dana yang ditawarkan oleh pihak Talentcorp kepada semua para pelajar Universiti Awam (UA).

Pelajar praktikum, Shazwan Mustaffa berkata, sesi ini memberi banyak panduan kepadanya untuk bersiap sedia dengan suasana yang luar dari kebiasaan dan dia rasa lebih yakin untuk menempuhi alam pekerjaan sebenar.

Turut hadir dalam program ini ialah Timbalan Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Lily Julienti Abu Bakar; Pengerusi Program Kolaborasi Inovatif Industri, Dr. Wan Nadzri Osman; Yang Dipertua MPPUUM, Muhammad Izzat Siraj Mohd Iyas Zainal dan pegawai CUIC.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.